

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA :

DATO' IR. HAJI NAWAWI AHMAD

KAWASAN :

LANGKAWI

TARIKH :

17.3.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN :

58

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI AHMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi menurunkan harga kereta sebanyak 20-30 peratus dalam masa 5 tahun seperti yang dijanjikan dalam manifesto Pilihan Raya Umum ke-13 yang lalu.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan di dalam manifesto PRU-13 telah berjanji untuk melaksanakan penurunan harga kereta secara berperingkat antara 20 hingga 30 peratus dalam tempoh lima tahun sehingga 2017.

Harga kereta adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan berdasarkan faktor pasaran seperti harga komponen CKD yang diimport dan juga diperolehi dari pasaran tempatan, kadar

tukaran mata wang asing, kos pengangkutan, insurans, kadar faedah pinjaman dan kos-kos lain.

Oleh yang demikian, Kerajaan terus berbincang dengan syarikat-syarikat pengeluar kereta untuk melaksanakan penurunan harga kereta di antara 20-30 peratus secara berperingkat sehingga tahun 2017 selaras dengan manifesto Kerajaan, melalui:

- (i) penambahbaikan kecekapan operasi oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kereta tempatan bagi mengurangkan kos pengeluaran mereka; dan
- (ii) liberalisasi pasaran di bawah perjanjian perdagangan bebas (Free-Trade Agreement - FTA) yang turut meningkatkan persaingan kepada pengeluar-pengeluar dan pemasang kereta tempatan.

Melalui perbincangan ini, beberapa syarikat telahpun mula menurunkan harga kereta melalui strategi pemasaran masing-masing iaitu:

- (i) penurunan harga semasa pengenalan model/varian baharu; dan
- (ii) penukaran operasi daripada pengimportan CBU kepada pemasangan tempatan (CKD).

Selain itu, terdapat juga syarikat-syarikat yang memperkenalkan program promosi dan rebat yang bersifat sementara. Antara program yang ditawarkan termasuklah pemberian insurans dan bayaran cukai jalan, baucer petrol, pemberian 5 tahun servis percuma dan waranti.

Selain penurunan harga kereta oleh syarikat pengeluar kereta, Kerajaan melalui Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 yang diumumkan pada 20 Januari 2014 juga bersetuju untuk mengkaji sistem percukaian ke atas kenderaan sekiranya keadaan kewangan negara bertambah baik untuk turut membantu dalam usaha menepati janji PRU-13.